

# e-Buletin


POLITEKNIK NILAI

EDISI JULAI  
-  
DISEMBER 2021



## DARULAMAN INTERNATIONAL INNOVATION, COMPETITION AND EXHIBITION 2021 (DILCE'21)



Tahniah kepada Pn. Hazwani Husain dan pelajar-pelajar, Muhammad Ahmad Akmal, Norairen Atira Zamri dan Muhammad Hafiz Hafizi Ridzuan dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) mewakili PNS telah memenangi pingat **GANGSA** dalam *Darulaman International Innovation, Competition and Exhibition 2021* (DilCE'21).



## KURSUS PENGENALAN PENGGUNAAN CANVA UNTUK E-BOOK



Unit Teknologi Pendidikan dan Multimedia (UTPM) telah mengadakan perkongsian ilmu mengenai penggunaan Canva untuk e-Book. Perkongsian ini telah disampaikan oleh Cik Syarlini Syazliza Saaid, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM).

## KURSUS KESELAMATAN JALAN RAYA

Kursus secara dalam talian ini telah disertai oleh kakitangan Politeknil Nilai dan dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) dengan kerjasama Unit Keselamatan Jalan Raya (UKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sembilan.

## PROGRAM WEBINAR KLINIK KAUNSELING SIRI 1 "IT'S OK TO NOT BE OKAY"



Unit Pengurusan Psikologi Politeknik Nilai bersama Pra-AKRAB dan Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Nilai telah mengadakan webinar tentang isu-isu ODL dan kesihatan mental serta tips bagi membantu rakan yang berhadapan dengan isu kesihatan mental dalam era pandemik COVID-19 yang telah dikupas oleh penceramah jemputan iaitu En. Mohd Noor Ikhram Husin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA.

## PROGRAM WEBINAR BIMBINGAN KERJAYA 'KERJAYA DALAM ERA PANDEMIK'

Pelbagai isu timbul daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara khasnya yang melibatkan masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan, diberhentikan atau pendapatan dikurangkan telah memberi kesan kepada kehidupan seseorang. Pelajar juga terkesan dengan masalah ini dan ada segelintir daripada mereka terpaksa bekerja untuk membantu keluarga atau memenuhi keperluan meneruskan pengajian secara dalam talian.

Oleh demikian, Unit Pengurusan Psikologi dengan kerjasama peserta pra pentaulahan ahli AKRAB menganjurkan program Bimbining Kerjaya : Kerjaya dalam Era Pandemik. Diharapkan program ini dapat memberi pendedahan dan panduan kepada peserta yang perlu meneruskan pengajian di samping mendapatkan pekerjaan / kerjaya yang sesuai dalam era pandemik yang semakin mencabar.

## ENTREPRENEURSHIP PROGRAM @POLI NILAI

Perbincangan bertujuan untuk melihat sebarang bentuk kolaborasi yang boleh diadakan antara pihak AmMetLife Takaful dan Politeknik Nilai dari segi program keusahawanan dan nilai tambah kepada pelajar Politeknik Nilai. Pihak AmMetLife Takaful membentangkan perincian program tersebut untuk pelajar membuat latihan industri.

## BENGKEL GERAK GEMPUR AUDIT ISO 2021

Pada 29-30 Julai 2021 Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri (JAB) Politeknik Nilai telah mengadakan Bengkel Gerak Gempur Audit ISO 2021 sebagai persediaan kepada Audit Pensijilan Semula ISO SIRIM. Bengkel ini telah diadakan secara dalam talian dan melibatkan penyertaan semua pensyarah di Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri (JAB). Bengkel ini telah berjaya memberi kefahaman berkaitan prosedur kerja dan juga penyediaan dokumen.



## INTERNATIONAL SCIENCE AND SOCIAL SCIENCE INNOVATION COMPETITION 2021



Tahniah dan syabas kepada Pn. Afeira Helena Zainudin (Jabatan Perdagangan) dan pelajar-pelajar di bawah seliaanya, Nur Zulikha Ooi, Nur Syahirah Sharuddin dan Nur Nadia Amran dari Diploma Peruncitan (DRM) mewakili PNS kerana telah memenangi pingat **GANGSA** dalam *International Science and Social Science Innovation Competition 2021* (AID CONFERENCE MALAYSIA AID'21).

## BENGKEL REVIEWER KERTAS PENYELIDIKAN / PENULISAN INOVASI E-FAMB 2021

Bengkel ini dipengerusikan oleh Dr. Nor Rahimy Khalid, Ketua Penyelaras Reviewer, Juri dan Moderator E-FAMB 2021. Terima kasih di atas sumbangan panel reviewer. Panel reviewer adalah seramai 15 orang yang terdiri daripada pensyarah universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.



## SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 WARGA POLITEKNIK NILAI



Tahniah kepada WARGA Politeknil Nilai yang telah menerima suntikan Vaksin COVID-19 sebagai menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak tersebut.

## PERTANDINGAN POLYCC BUSINESS OPPORTUNITY THROUGH SOCIAL MEDIA COMPETITION (BOSMEC 2.0)

Tahniah dan syabas kepada Mentor Pn. Nur Aliyah Azizi dan peserta Nurul Aleeya Antasha Mohd Faizal, Jabatan Perdagangan (JP) yang mewakili Politeknil Nilai atas kejayaan:

Pemenang Kategori:

Tempat **Pertama** Sales Achievement Award Kategori B - RM35,687.00

Tempat **Ketiga** BOSMeC 2.0 Icon Award Kategori B

Dalam Pertandingan PolyCC Business Opportunity Through Social Media Competition (BOSMeC 2.0).




## AKREDITASI PENUH MBOT KEPADA PROGRAM DIPLOMA BIOTEKNOLOGI (DBT)



Setinggi-tinggi Tahniah diucapkan kepada Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) kerana Program Diploma Bioteknologi (DBT) telah mendapat Akreditasi Penuh 6 tahun dari Malaysia Board of Technologists (MBOT) bermula 2020 sehingga 2025.

## MAJLIS PELANCARAN TABUNG PRIHATIN COVID-19 POLITEKNIK NILAI



Majlis telah dibuat secara dalam talian menggunakan platform Webex dan telah dihostkan oleh En. Shuharzi Md Salleh, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik). Pelancaran telah dimulakan dengan ucapan ringkas oleh Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah PNS menyentuh berkenaan tujuan penubuhan tabung tersebut. Semoga tabung prihatin ini dapat membantu sedikit sebanyak kesusahan pelajar-pelajar yang menghadapi musibah COVID-19 ini.

## BANTUAN KEBAJIKAN PELAJAR TERKESAN PANDEMIK COVID-19 POLITEKNIK NILAI



Politeknik Nilai telah menyampaikan sumbangan bantuan kewangan dan barang dapur kepada 3 orang pelajar yang telah kehilangan ahli keluarga disebabkan COVID-19. Politeknik Nilai menzahirkan ucapan Takziah di atas pemergian ahli keluarga. Semoga tabah dengan dugaan yang dihadapi.

## SUMBANGAN YAPEIM KEPADA PELAJAR POLITEKNIK NILAI YANG TERKESAN PANDEMIK COVID-19



Sumbangan barang keperluan dari YAPEIM kepada pelajar Politeknik Nilai yang terjejas melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang diwakili oleh En. Mohd Syazwan Dzulkepli, pegawai HEP.

## BENGKEL PENULISAN RANCANGAN MENGAJAR DAN CONTINUOUS QUALITY IMPROVEMENT (CQI) JABATAN PERDAGANGAN



Bengkel ini dijalankan selama 2 hari secara dalam talian menerusi platform Webex. Agenda yang dibincangkan dalam bengkel tersebut adalah:


1. Prosedur Proses Pembelajaran dan Pengajaran PNS PA-04 yang berkuatkuasa pada 2 Ogos 2021
2. Penulisan SLT dalam RMS
3. Penyediaan RMS berdasarkan silibus dan keseragaman dalam PdP online
4. Penulisan CIST
5. Interpretasi CORR dan penulisan CQI
6. Penulisan rubrik berdasarkan PB
7. Penulisan minit mesyuarat penyelaras kursus

## BENGKEL PEMBANGUNAN INSTRUMEN KAJIAN INDEKS KEPUASAN STAF PNS BIL 1/2021



Bengkel ini telah diadakan secara bersemuka di Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) PNS. Bengkel ini bertujuan bagi memurnikan Instrumen KSP PNS bersesuaian dengan situasi pandemik COVID-19. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Komunikasi dan Perhubungan Korporat (UKK) dengan kerjasama Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI). Antara pegawai yang terlibat adalah Dr. Faraziah Hassan, Dr. Nor Rahimy Khalid, LAr. Dr. Fara Diba Badrul Hisham dan Pn. Seri Nian Akmad.

## BENGKEL PEMURNIAN INSTRUMEN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (KSP) POLITEKNIK NILAI



Bengkel Pemurnian Instrumen Kajian Kepuasan Pelanggan (KSP) Politeknik Nilai ini telah diadakan bagi memurnikan semula soalan-soalan mengikut situasi pandemik COVID-19.

### WEBINAR KLINIK KAUNSELING SIRI 2: "GRIEF"



Unit Pengurusan Psikologi (UPPs) Jabatan Hal Ehwal Pelajar, AKRAB dan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Nilai telah mengadakan program tersebut secara dalam talian menerusi platform Webex. Program kaunseling kali ini disampaikan oleh penceramah berpengalaman, Dr. Hjh. Norazura Hj. Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kluster Pembangunan Profesional Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

## LAWATAN MUHIBAH TIMBALAN PENGARAH KE JABATAN AKADEMIK



Lawatan Muhibah Timbalan Pengarah ke Jabatan Akademik sebagai persediaan menghadapi *Recertification Audit MS ISO 9001 : 2015* pada 16 - 18 Ogos 2021 secara dalam talian.

## TABUNG PRIHATIN COVID-19 POLITEKNIK NILAI



En Shazwan mewakili Pengarah PNS menyampaikan bantuan kepada pelajar yang kehilangan ibu ayah asbab Covid19  
"Terima kasih para penyumbang"  
**PNS Prihatin 2021**

5 orang pelajar yang kehilangan ibu atau ayah telah menerima manfaat bantuan kewangan dan barang makanan sumbangan daripada pihak YAPEIM dan PRIHATINS. Beberapa orang pelajar akan menerima manfaat yang sama dalam masa terdekat. Pasukan sukarelawan PNS akan menziarahi beberapa lagi pelajar yang telah dikenalpasti dalam masa terdekat bagi menyampaikan bantuan yang sama. Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah PNS telah mewakili Pasukan Bilik Gerakan COVID-19 PNS, mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan WARGA PNS sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban para pelajar PNS yang terkesan.

## SUMBANGAN BAKUL MAKANAN DARI NGO PRIHATINS NEGERI SEMBILAN KEPADA PELAJAR POLITEKNIK NILAI




Sumbangan bakul makanan dari NGO PRIHATINS Negeri Sembilan kepada pelajar Politeknil Nilai telah diserahkan kepada En. Mohd Syazwan Dzulkepli, pegawai HEP.

## PROGRAM 'TERIMA KASIH FRONTLINER II' PUSPANITA POLITEKNIK NILAI

Program ini telah dianjurkan oleh PUSPANITA Politeknik Nilai melalui Biro Sosial. Majlis penyerahan sumbangan *face shield* sebanyak 500 unit kepada *task force / frontliner* Operasi Pematuhan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah disampaikan oleh Pn. Norfazila Ahmad, Ketua Biro Sosial PUSPANITA PNS disaksikan oleh Tn. Hj. Mohd Nawardi Saad, Setiausaha Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan KDN di Putrajaya



## PERTANDINGAN KAHOOT SUKAN OLIMPIK TOKYO 2020



Tahniah atas penganjuran Biro Sukan PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama PUSPANITA Politeknik Nilai. Tahniah atas kemenangan oleh Cik Norhidayah Samsu dari Jabatan Perdagangan (JP) dan sokongan wakil dari PUSPANITA PNS.

## SPEAK UP, DON'T GIVE UP' WORKSHOP PROGRAMME

The workshop was organised by the English Unit from General Studies Department, in collaboration with MUST and CISEC of Politeknik Nilai. Essentially, 31 participants have participated in the programme. The invited speaker was Mr. Mikhail Merican from Malaysia University of Science and Technology (MUST). The online workshop focused on the significant issues such as problem solving and expectations in class, as well as discovering the 'lingo' of teaching methods.

## PERTANDINGAN KEMERDEKAAN DAN PROGRAM COUNTDOWN KEMERDEKAAN DAN PENUTUPAN "ROAD TO 31 AUGUST"

Politeknik Nilai telah mengadakan pertandingan Kemerdekaan sempena sambutan Hari Kemerdekaan. Pertandingan tersebut bagi menyemarakkan sambutan Hari Kemerdekaan. Pertandingan yang dipertandingkan adalah:

- Pertandingan Quizizz Kemerdekaan
- Pertandingan Poster Kemerdekaan
- Pertandingan Video Puisi / Pantun Pendek Kemerdekaan
- Countdown Kemerdekaan



30 OGOS 2021 | 10:30 MALAM - 12:30 TENGAH MALAM | APLIKASI WEBEX

Anjuran MPPPNS, PRSPNS DAN JHEP PNS

Cisco Webex Meetings | Meeting Info | Hide Menu Bar

Speaking: WAN ZULKIFLY WAZAKARIA

Viewing FITRI RADZALI's screen

Participants: FOON WAI HONG, SOFFIA PING, AMIRUL MAJID, FITRI RADZALI

Participants: WAN ZULKIFLY WAZAKARIA, DAPATAN MELAYU, HENDRI HEP PNS


Participants: 10.30Malam - 12.30 Tengah Malam

## AKREDITASI PENUH MBOT KEPADA PROGRAM DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP (DLH)



Setinggi-tinggi Tahniah diucapkan kepada Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) kerana Program Diploma Hortikultur Lanskap (DLH) telah mendapat Akreditasi Penuh 5 tahun dari Malaysia Board of Technologists (MBOT) bermula 2020 hingga 2024.

## BENGKEL OBE – STUDENT CENTERED LEARNING JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)



Bengkel *OBE Student Centered Learning* peringkat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya secara dalam talian Ms Teams dengan kehadiran semua pensyarah JKM dan telah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan, Pn. Hjh. Norbaya Mhd Simin.

Bengkel ini mengfokuskan aktiviti PdPDT iaitu aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dengan penggunaan pelbagai 'apps' yang menarik seperti Quizziz, nearpod, edpuzzled dan pelbagai lagi. Bengkel ini juga sangat bermanfaat kepada pensyarah JKM bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

## KOLOKUIM PENYELIDIKAN SPPPINS PNS 2021



Kolokium ini merupakan Seminar Penyelidikan kali ke-3 yang dianjurkan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI). SPPPINS merupakan platform yang disediakan bagi membudayakan penyelidikan dan inovasi, penulisan ilmiah, pembentangan dan penerbitan. Kolokium SPPPINS 2021 merupakan kolokium yang mengendalikan beberapa program serentak iaitu Bengkel Harta Intelek, PRIDE, *Industrial Talk* dan kolokium Pembentangan Penyelidikan. Sebanyak 3 kertas penerbitan, 15 kertas Inovasi penyelidikan dan 7 produk inovasi terbaik telah menyertai PRIDE yang menyaksikan 13 pembentangan telah dibuat.

## KOLOKIUM SPPPINS 2021





Tahniah kepada peserta yang memperolehi kemenangan dalam *PNS Research & Innovation Development Programme (PRIDE)* 2021 dan Seminar Penyelidikan Pengkomersialan PRIDE dan Inovasi PNS (SPPPINS) sempena Kolokium SPPPINS 2021 pada 1-2 Sept 2021 di bawah anjuran Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI).

## KEJAYAAN PEMANGKUAN KE GRED DH52




Setinggi-tinggi Tahniah kepada semua pensyarah PNS yang berjaya dalam urusan Pemangkuan ke Gred DH52 oleh Tuan Pengarah, Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria serta seluruh Warga Politeknik Nilai.

## PROGRAM KAUNSELING PERKAHWINAN "PANDEMIK: TERIMA SEADANYA"



Program ini dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi (UPpsi) dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Politeknik Nilai secara dalam talian menerusi platform Webex. Ceramah telah disampaikan dengan baik oleh Prof. Dr. Zainab Ismail dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## BENGKEL PENGURUSAN KURSUS DAN PEMBINAAN ITEM PENILAIAN SESI 1 2021 / 2022 JABATAN PENGAJIAN AM (JPA)



Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA) sebagai persediaan dan pemantapan proses pembelajaran dan pengajaran. Bengkel ini melibatkan semua pensyarah JPA sebagai salah satu usaha dalam membuat penambahbaikan dan meningkatkan kefahaman di kalangan pensyarah khususnya berkaitan kurikulum

## PERTANDINGAN IDEA, PRODUCT & COMMERCIAL (IPROCOM) ANJURAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) DENGAN KERJASAMA INSKEN DAN CEDAR




Tahniah atas kejayaan Politeknik Nilai yang telah terpilih di antara 10 produk perniagaan terbaik iaitu NFT Smart Kit dalam fasa 1 di Pertandingan *Idea, Product & Commercial* (iProCom) dan berjaya membawa pulang hadiah berupa wang sebanyak RM1000.00. 10 pemenang yang terpilih akan meneruskan pertandingan ke fasa 'Ready to Market' yang akan menentukan produk paling kompetatif dan berdaya saing. Pertandingan ini adalah di bawah anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama INSKEN dan CEDAR. Program disertai oleh setiap Universiti awam menghantar wakil, 5 buah Politeknik dan 5 buah kolej komuniti.

Tahniah GreenLabSupplies. Pelajar apprentice NFT Smart Kit, inkubator keusahawanan JKM, Politeknik Nilai yang diwakili oleh Noraishah Azali, Muhammad Iqbal Ihsan Iqbal Gani, Muhammad Syazril Hafizi Saifuddin, Nur Sabrina Husna Mohd Firdaus, Radina'leeya Bee Sham dan diselia oleh En. Mohd Saifuddin Ahmad sebagai mentor.



## BENGKEL INTERPRETASI KURIKULUM BAGI PROGRAM DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP (DLH)



Bengkel telah berjaya dilaksanakan selama 2 hari sebagai persediaan dan pemantapan proses pembelajaran dan pengajaran bagi program DLH. Bengkel ini melibatkan pensyarah-pensyarah DLH sebagai salah satu usaha agar sentiasa menambahbaik perlaksanaan dan juga meningkatkan kefahaman di kalangan pensyarah khususnya berkaitan kurikulum.

Antara perkara yang diutamakan di dalam bengkel ini adalah pemahaman pensyarah terhadap Kurikulum 2019, perlaksanaan *Outcome Based Education* (OBE), pendedahan berkaitan pembangunan soalan penilaian dan rubrik pemarkahan berdasarkan aras domain yang ditetapkan serta pemahaman berkaitan Taxonomy Bloom yang digunakan dalam membangunkan dokumen kurikulum. Antara pensyarah jemputan adalah Dr. Roslina Sharif dari Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Pn. Rohaniah Mohd Nor, Cik Nurfadzlina Jamaluddin, Pn. Amalina Kamilah Ibrahim dari Bahagian Kurikulum (BK) JPPKK serta Pn. Nabilah Zafirah Zulkepli, Ketua Program DLH.

## BENGKEL PEMBANGUNAN VIDEO SEMPENA E-FAMB 2021



Setinggi penghargaan kepada penceramah jemputan, En. Ahmad Fadiatuddin Mat Tahir dari Politeknik Port Dickson (PPD) kerana sudi berkongsi ilmu. Bengkel dihadiri oleh Pengarah program, Jawatankuasa multimedia dan Penyelaras Video Pengenalan COT PNS sebagai persediaan E-FAMB 2021.

## BENGKEL PENGUKUHAN CONTINUOUS QUALITY IMPROVEMENT (CQI) DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)

Bengkel telah dilaksanakan melalui platform Webex dan dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Strategik (PPS) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Penceramah bengkel ini telah dibawa khas dari Politeknik Kota Bharu (PKB) iaitu Pn. Nor 'Aziah Hj. Abdullah, Pensyarah Utama di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE). Bengkel ini melibatkan semua pensyarah Politeknik Nilai.



### WEBINAR SHOPEE: PEMASARAN PRODUK TANI



Webinar Shopee: Pemasaran Produk Tani oleh Inkubator Keusahawanan (Cendawan) Politeknik Nilai bersama Persatuan Penyelidikan Cendawan Malaysia

### SESI LAPOR DIRI PENSYARAH MEMANGKU GRED DH52




Sesi Lapor Diri Pensyarah Yang Berjaya Memangku Gred DH52 di Politeknik Nilai. Seramai 14 orang pensyarah telah diraikan dalam sesi lapor diri di hadapan Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah Politeknik Nilai. Beliau juga turut mengucapkan tahniah di atas kejayaan pemangkuannya tersebut serta mengungkapkan kata-kata semangat dan motivasi untuk terus cemerlang di masa hadapan.

## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN POLITEKNIK NILAI BIL 2/2021



Majlis telah berlangsung dengan lancar secara dalam talian menggunakan Webex. Majlis perhimpunan bulanan kali ke 2 ini telah dihostkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA). Antara agenda majlis tersebut adalah ucapan pengarah PNS bersempena Hari Malaysia ke 58 pada 16 Sept 2021 (Khamis). Dalam ucapan beliau menyentuh tentang misi dan visi serta piagam pelanggan Politeknik Nilai untuk menyemarakkan serta menaikkan dan memulihkan semangat warga PNS dalam mengharungi wabak pandemik ini.

### WEBINAR SHOPEE: PEMASARAN PRODUK TANI



Webinar ini telah dianjurkan oleh Inkubator Keusahawanan (Cendawan), Politeknik Nilai dengan kerjasama Persatuan Penyelidikan Cendawan Malaysia. Panel jemputan Cik Rusila Yusof dari Fatisha Agrofarm (M) Sdn. Bhd. telah menyampaikan perkongsian tentang Pengenalan Cendawan Tiram & Kukur (Produk Tani) dan panel kedua Cik Afizah Mat Sulaiman telah berkongsi tentang Asas Pengenalan Shopee sebagai satu platform terkini dalam memasarkan produk tani. Webinar ini turut dijayakan Rakan Pleurotus; jawatankuasa perintis inkubator cendawan, Politeknik Negeri Sembilan.

### PERTANDINGAN FOTO KEMERDEKAAN MALAYSIA KE 64 ANJURAN BIRO SOSIAL PUSPANITA JPPKK

Sekalung tahniah buat Pn. Siti Mas Irdawati Md. Shahroon dan Pn. Nurul Aesyah Ismail Chong dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) yang mewakili PUSPANITA Politeknik Nilai telah mendapat **TEMPAT PERTAMA** dari 31 penyertaan




## PROGRAM WORLD CLEAN-UP DAY 2021



Program Pembersihan Pantai sempena sambutan *World Clean-Up Day* 2021 telah berlangsung di Pantai Saujana, Port Dickson. Program tahunan anjuran SWM Environment ini mendapat sokongan daripada SWCorp Negeri Sembilan dan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD). Tahun ini warga kerja daripada Jabatan Alam Sekitar, Politeknik Nilai, Politeknik Port Dickson, Majlis Belia Daerah Port Dickson dan juga Lions Clubs International turut serta menjadi sukarelawan.

Selain daripada aktiviti *plogging*, pihak SWM Environment juga turut mempromosikan program KITARecycle kepada sukarelawan yang hadir untuk menjadi ahli KITARecycle secara percuma. Selain itu, Politeknik Nilai telah mendapat **tempat ketiga** dalam pertandingan mengutip sampah dengan berat timbangan sebanyak 17.7 kg sampah sarap yang dikutip.

## BENGKEL PENJURIAN PERTANDINGAN PRODUK / PROJEK INOVASI & VIDEO E-AGROPRENEUR




Bengkel Penjurian Pertandingan Produk / Projek Inovasi dan Pertandingan Video E-Agropreneur sempena E-Festival Agromakanan dan Bioteknologi 2021 (EFAMB2021) telah berlangsung dengan jayanya pada 18 September 2021 secara dalam talian. Bengkel ini diadakan untuk memberi penerangan proses dan prosedur penjurian kepada panel juri yang telah dilantik untuk menilai pertandingan Produk / Projek Inovasi dan Video E-Agropreneur EFAMB2021 yang akan berlangsung pada 5 hingga 7 Oktober 2021 secara hibrid di Politeknik Nilai. Juri yang telah dilantik adalah seramai 17 orang yang terdiri daripada pakar bidang yang berpengalaman dalam masing-masing.

## PROGRAM TERIMA KASIH FRONTLINER POLITEKNIK NILAI



Sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega USIM dalam menangani penularan wabak COVID-19, jawatankuasa CSR COVID-19 Politeknik Nilai telah menganjurkan program Sekalung Pengiktirafan, "Terima kasih Frontliner". Penyerahan cenderahati penghargaan ini telah dijayakan di Dewan Tunku Canselor, USIM. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menzahirkan ucapan penghormatan tertinggi rakyat Malaysia kepada petugas barisan hadapan negara khususnya di Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

## KURSUS PEMERKASAAN PENASIHAT AKADEMIK (SPAk) POLITEKNIK NILAI SESI I 2021 / 2022



Kursus Pemerkasaan Penasihat Akademik (SPAk) Politeknik Nilai Sesi I 2021 / 2022 telah diadakan bagi memantapkan skop tugas Penasihat Akademik (PA) di jabatan masing-masing dan melibatkan seramai 16 orang penasihat akademik.

## PROGRAM TERIMA KASIH FRONTLINER

Dalam program "Terima Kasih Frontliner" seterusnya Jawatankuasa CSR COVID-19 Politeknik Nilai ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Majlis Bandaraya Seremban untuk menyerahkan cenderahati kepada petugas barisan hadapan negara. PPV Dewan Majlis Bandaraya Seremban adalah antara PPV yang terpilih untuk pemberian vaksin secara *walk-in* bermula 20 sehingga 25 Sept. 2021. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menzahirkan ucapan penghormatan tertinggi rakyat Malaysia kepada petugas barisan hadapan negara khususnya di Daerah Seremban, Negeri Sembilan.




## KLINIK KAUNSELING SIRI 3 : "FROM STRESS TO STRENGTH"

The screenshot shows a Zoom meeting interface. At the top, it says 'Speaking: ALIFF HAIQAL @ DKMF1066'. Below that is a grid of 25 participant thumbnails. The thumbnails are arranged in five rows and five columns. Some thumbnails show individuals with their names overlaid: 'DRMF1018 AMIR AR-RASVID', 'intannadzirah ramadan', 'Khamrun Nisa', 'Maisarah Nadira', and 'muqri dhd'. Other thumbnails are just faces or have placeholder images.

**POLITEKNIK MALAYSIA NILAI**  
KLINIK KAUNSELING SIRI III : 'FROM STRESS TO STRENGTH'  
21 SEPT 2021 / SELASA  
8.30 - 10.30 MLM  
MELALUI APLIKASI WEBEX  
Speaker : Dr Wan Nurayunee bt Wan Zulkifli, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat hosted by : Puan Norliza bt Idris  
Anjuran Unit Pengurusan Psikologi JHEP bersama Pra Akrob Politeknik Nilai

Program ini berkisar tentang pengenalan dan pengurusan stres oleh penceramah jemputan, Dr. Wan Nurayunee Wan Zulkifli, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program ini merupakan anjuran Unit Pengurusan Psikologi JHEP bersama Pra-AKRAB Politeknik Nilai dan disertai oleh 472 orang peserta yang merupakan pelajar semester satu sesi 1 2021/2022.

## PELANTIKAN SEBAGAI PAKAR NEGARA DALAM BIDANG LANDSCAPE GARDENING



Sekalung Tahniah dan syabas kepada LAr. Nurzuliza Jamirsah dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) kerana dilantik sebagai Pakar Negara dalam Bidang *Landscape Gardening* bersama dengan Akademi Binaan Malaysia dan 3 orang dari institusi lain oleh Kementerian Kerja Raya. PNS sangat berbangga dengan pencapaian cemerlang tersebut.



## KUNJUNGAN HORMAT DAN PERBINCANGAN DUA HALA ANTARA POLITEKNIK NILAI DAN MANIPAL INTERNATIONAL UNIVERSITY



Perbincangan dua hala tersebut telah diwakili oleh En. Thava Kumar dan Pn. Hani Radiah dari MANIPAL International University manakala Politeknik Nilai diwakili oleh Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah PNS turut serta En. Zainal Ab Rahman, Timbalan Pengarah dan Pn. Noorazlina Ahmad, Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL).

## MAJLIS PENGHARGAAN 'JASAMU DIKENANG' JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)



Satu majlis bagi meraikan staf JKM yang akan berpindah telah dianjurkan secara sederhana tetapi meriah dengan kehadiran Tn. Pengarah, Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria dan Timbalan Pengarah, En. Zainal Ab. Rahman. Majlis ini adalah bagi menghargai jasa mantan Ketua Jabatan, Ts. Dr. Anuar Hassan, En. Somchai dan Ketua Program DEM En. Nazrulazlan yang bakal berpindah dari Politeknik Nilai bagi meneruskan perkhidmatan di tempat lain dan bercuti bagi menyambung pengajian.


## BENGKEL PEMANTAPAN AKREDITASI – INTEPRETASI SILIBUS DAN PENYEDIAAN CIST



Bagi memantapkan persediaan akreditasi bagi program DEM, satu bengkel intepretasi silibus dan penyediaan CIST telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Bilik Seminar 2 ULPL dengan pematuhan SOP yang ketat. Bengkel ini telah dihadiri oleh pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan kursus kod baru dan disampaikan oleh En. Somchai, Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Antara objektif utama bengkel ini adalah memberi pemahaman kepada pensyarah dalam memastikan penjajaran konstruktif adalah bertepatan dengan kehendak silibus serta dapat menghasilkan CIST dengan baik.

## MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT WARGA POLITEKNIK NILAI

Majlis ini dianjurkan oleh Unit Komunikasi & Perhubungan Korporat (UKK) bersama Pusat Islam Al Kauthar Politeknik Nilai. Majlis ini bertujuan untuk kesejahteraan warga PNS juga buat kesembuhan kepada ibu En. Azizul Azrin Mahmor yang sedang dalam rawatan. Majlis diselangi dengan Tazkirah Khas oleh Tuan Pengarah PNS, Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria.



## PELANTIKAN BAHARU




Sekalung Tahniah kepada En. Mohd Khairulhazlan Mohamed Zam di atas pelantikan sebagai Ketua Jabatan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Faraziah Hassan sebagai Ketua Jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Dr. Zanatul Shima Aminuddin sebagai Ketua Jabatan, Jabatan Perdagangan (JP), LAr. Dr. Fara Diba Badrul Hisham sebagai Ketua Jabatan, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) dan En. Samsul Nizam Abd Rahim sebagai Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri Politeknik Nilai berkuatkuasa pada 24 September 2021 (Jumaat).

## WEBINAR ISU RASUAH DAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM



Program ini telah dianjurkan bersama oleh Unit Komunikasi & Perhubungan Korporat (UKK) dan Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL) menggunakan medium Webex. Penceramah jemputan telah dibawa khas dari Unit Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) cawangan Negeri Sembilan iaitu Pn. Normaliza Jaafar, Penolong Kanan Penguasa.

## BENGKEL PENGURUSAN ASET ALIH (MYSWA)



Penyelaras Pengurusan Aset Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) bersama Unit Pengurusan Aset PNS telah berjaya melaksanakan Bengkel Pengurusan Aset Alih (MySPA) kepada semua penyelaras / Penyelia bengkel / makmal / aset jabatan secara virtual dan telah disampaikan oleh Ketua Unit Aset PNS, En. Muhd Arif Nubli Shafie. Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan penyelaras bengkel / makmal / aset jabatan tentang pengurusan aset menggunakan sistem MySPA

## MAJLIS PENGHARGAAN 'JASAMU DIKENANG' JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB)



Satu majlis bagi meraikan kejayaan-kejayaan yang diperoleh JAB telah dianjurkan secara sederhana tetapi meriah. Majlis ini adalah bagi menghargai kejayaan JAB dalam memperoleh akreditasi penuh MBOT untuk Program Diploma Hortikultur Lanskap (DLH) dan Diploma Bioteknologi (DBT) selain itu majlis turut meraikan penghargaan kepada mantan Ketua Jabatan, En. Md Marzukee Yusof yang telah memperoleh pemangkuan gred DH52, Ts. Abdul Malek A Manap yang akan bersara, Pn. Nur Anisza Hanoum Naseeron dan Pn. Norshafiqa Salim yang akan bercuti untuk menyambung pengajian.

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN 2020

Sekalung Tahniah kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Tahun 2020



## BENGKEL PERKONGSIAN ILMU MPU22012 ENTREPRENEURSHIP SESI 1 2021/2022



Bengkel Perkongsian Ilmu MPU22012 Entrepreneurship Sesi 1 2021/2022 telah dilaksanakan dengan jayanya bersama dengan jemputan penceramah iaitu Hj. Mohd Zainuddin Mohd Esin, Pn. Norimi Ahmad, Pn. Seri Nian Akmad dan Pn. Idayazra Suri. Bengkel ini berkongsi topik, antaranya adalah:

1. Kata aluan Ketua Unit Keusahawanan, Pn. Suzana Ithnain
2. Perkongsian Ilmu Master Trainer Hj. Mohd Zainuddin Mohd Esin
3. Perlaksanaan MPU 22012 Entrepreneurship
4. Perbincangan aktiviti dan Pelan Strategik Unit / Jabatan
5. Data Pelajar

## PROGRAM TAUTAN KASIH PUSPANITA POLITEKNIK NILAI




Program ini adalah di bawah kelolaan Biro Sosial PUSPANITA Politeknik Nilai di mana program ini telah mengumpul sumbangan daripada komuniti dan staf PNS bagi membantu warga emas di Darul Insyirah, Sg. Ramal, Kajang, Selangor. Majlis penyerahan sumbangan dalam bentuk pampers pakai buang ini telah disampaikan oleh Pn. Norfazila Ahmad, Ketua Biro Sosial PUSPANITA PNS mewakili Pengerusi PUSPANITA kepada Pn. Siti Hawa, pegawai operasi Darul Insyirah.

## MAJLIS SUAI KENAL (MSK) POLITEKNIK NILAI SESI 1 2021/2022



Majlis Suai Kenal (MSK) Politeknik Nilai bagi meraikan dan mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu bagi Sesi 1 2021/2022 telah berlangsung dengan baik dan lancar menerusi platform Webex. Pelajar-pelajar telah diberi taklimat berkenaan peranan jabatan-jabatan dan unit-unit yang ada di Politeknik Nilai. Antaranya taklimat Hal Ehwal Pelajar, kebajikan, sukarelawan, pengurusan kamsis, aduan / maklumbalas pelanggan dan pusat sumber.

### FORUM COVID-19 : "KEBALKAH AKU, HARUSKAH VAKSIN?"




Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) bersama Unit Pengurusan Psikologi (UPPSi) dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Politeknik Nilai telah mengadakan forum tersebut melalui dalam talian menggunakan Webex. Forum ini telah dikendalikan oleh Hj. Mohd Zainudin Mohd Esin, Pensyarah Utama PNS juga merangkap Pengurus AKRAB KPT dan 2 orang panel telah dijemput khas iaitu Kol. (Dr) Nurzeti Shaik Ahmad, Pakar Perunding Perubatan Keluarga, Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera dan Ustaz Najmuddin Abdul Karim, Ketua Penolong Mufti, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

### TAWARAN BIASISWA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)

Tahniah dan Selamat Maju Jaya kepada Pn. Norshafiq Salim dan Pn. Nur Anisza Hanoum Naseron dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) serta En. Mohd. Nazrulazlan Abd Rasid dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) kerana akan menyambung pengajian dengan Tawaran Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Semoga mereka cemerlang dalam pengajian.



## E-FESTIVAL AGROMAKANAN DAN BIOTEKNOLOGI (E-FAMB) 2021



E-FAMB 2021 kali ke-7 ini telah diadakan di Politeknik Nilai dan berlangsung dengan lancar di mana hari pertama ini menyaksikan sebanyak 35 penyertaan dalam Pertandingan E-Agropreneur dan sebanyak 27 kertas penyelidikan dalam kategori Hortikultur, Lanskap, Agroteknologi, Akuakultur, Bioteknologi, Sains Persekutaran, Sains Sosial, Teknologi Hijau dan Teknologi Makanan telah dibentang secara dalam talian menerusi platform Webex.


Penjurian Pertandingan Video Keusahawanan E-Festival Agromakanan dan Bioteknologi (E-FAMB) 2021 telah dikendalikan oleh beberapa orang juri jemputan iaitu Dr. Mohamad Siri Muslimin (Politeknik Port Dickson), Pn. Ramisah Ramlee (Usahawan Bumiputra), En. Maturuni Tukiman (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan), Hj. Sahalani Basar (Usahawan Bumiputra) dan En. Mohamad Ali Hamzah (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti). Sesi penjurian video ini diketuai oleh Dr. Narizan Abdullah (Politeknik Nilai). Sesi penilaian video telah dilaksanakan di bilik seminar ULPL, Politeknik Nilai dan keputusan pertandingan juga telah diperolehi bagi kategori video terbaik keseluruhan (tempat pertama, kedua dan ketiga), video terbaik (pilihan juri) dan juga video yang mendapat 'LIKE' terbanyak.

## MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMPENA E-FESTIVAL AGROMAKANAN DAN BIOTEKNOLOGI (E-FAMB2021)



Majlis telah berlangsung dengan meriah, dengan kehadiran jemputan khas, YBrs. En. Mohd Noor Bin Shahudin a.m.k, Pengarah Kanan Akademik, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Pn. Rohaniah Binti Mohd Nor, Timbalan Pengarah di Unit Teknologi Pertanian, Bahagian Kurikulum JPPKK. Pengumuman keputusan Pertandingan Inovasi, Video Agropreneur dan Kertas Penyelidikan.

## KURSUS EFFECTIVE E-LEARNING METHOD



Pada 1 Oktober 2021, program Diploma Hortikultur Landskap (DLH), Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB), Politeknik Nilai telah melaksanakan Kursus *Effective e-Learning Method* secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet. Kursus ini adalah dijalankan sebagai persediaan dan pemantapan proses pembelajaran dan pengajaran dalam talian (PDPDT) bagi semua pensyarah program Diploma Hortikultur Landskap (DLH). Kursus ini juga adalah sebagai salah satu usaha untuk sentiasa menambahbaik perlaksanaan dan juga meningkatkan kefahaman di kalangan pensyarah khususnya berkaitan metodologi, kaedah atau aplikasi terkini yang boleh digunakan untuk proses pembelajaran dan pengajaran dalam talian.

Kursus ini telah disampaikan oleh pensyarah program DLH sendiri merangkap pegawai Unit e-Learning iaitu CA. Mohd Khairil Hilmi Bin Abdul Halim dan antara pengisian aplikasi yang dipelajari seperti Canva (*education*), *Google Jamboard*, *Google Classroom*, *Wheel of Names*, *Polleverywhere* dan berbagai aplikasi lain yang mudah dan menarik. Secara keseluruhannya, kursus ini berjaya meningkatkan ilmu para pensyarah DLH khususnya.


## KUNJUNGAN LAWATAN PENANDARASAN PROGRAM ETAC DAN SESI PERKONGSIAN KEPAKARAN IOT SMART IRRIGATION SYSTEM ANTARA POLITEKNIK NILAI (PNS) DAN POLITEKNIK MUADZAM SHAH (PMS)



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) PNS telah menerima kunjungan lawatan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) Politeknik Muadzam Shah (PMS) bagi membuat penandarasan program ETAC serta Sesi Perkongsian Kepakaran *IoT Smart Irrigation System* di Laman NFT JKM Politeknik Nilai. Kunjungan dari Politeknik Muadzam ini terdiri daripada Ketua Jabatan, Dr. Mohd Shahril, Ketua Program En. Khairil bin Che Mat dan 15 orang pensyarah. Majlis pembukaan telah dirasmikan oleh Pengarah, Tuan Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria, Timbalan Pengarah, En. Zainal Ab Rahman serta Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), En. Shuharzi Md. Salleh.

**PROGRAM CETUS IDEA PROJEK AKHIR BERSAMA EN. IKHWAN NAZRI  
MOHD ASRAN, CEO AMANZ MEDIA**

Webinar ini disertai oleh pelajar yang terlibat dengan Projek Tahun Akhir iaitu pelajar DBS5A dan DBS5B untuk memahami konsep olahan idea dengan baik dengan tips yang sangat berguna daripada panel.



## WEBINAR GREEN OPERATIONS

A screenshot of a video conference interface. At the top, there are tabs for 'File', 'Edit', 'Share', 'View', 'Audio & Video', 'Participants', 'Meeting', 'Breakout Session', and 'Help'. Below the tabs, there are five user profiles: Faris Jalia (TOSO), Raynough Jaly, Mian Zahra (TOSSE), 1006 Auni, and 1010 Akira Syafiqah. On the far right, there is a 'Logout' button. The main content area shows a presentation slide with the title 'PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI (PPI)' in large blue letters. Below the title, it says 'Just G.R.E.E.N !!'. To the right of the title is a portrait of a man with glasses and a dark shirt. To the left is another portrait of a man with arms crossed. At the bottom left is the logo for 'POLITEKNIK UNIVERSITI TUNKU ABDUK RAHMAN' with the text 'Bina Kelebihan, Meningkatkan Jaya' and 'UNIVERSITI TUNKU ABDUK RAHMAN' in English. At the bottom right, there is a circular graphic with many small colored dots arranged in a radial pattern, with the name 'KHAI' partially visible. The bottom navigation bar includes buttons for 'Unmute', 'Stop video', 'Share', 'Record', a red circular button, 'App', 'Participants', and 'Chat'.


Webinar ini telah disampaikan oleh Tn. Khairul Anuar Rusli dari Universiti Tun Abdul Razak (UTAR) yang melibatkan seramai 142 orang pelajar dari program DRM3, DBS3 dan DLS4

## **PERBINCANGAN KOLABORASI BERSAMA PERKESO BERKENAAN SISTEM INSURAN PEKERJAAN (SIP) PRIHATIN 2.0**



Perbincangan dua hala ini melibatkan Pn. Nur Hazeleen Bashah (kolaborasi), Pn. Jerina Ibrahim (pengesahan graduan), En. Samsul Nizam Abd Rahim (Latihan Industri) dan Pn. Nur Jannah Lovely Shamini (kerjaya) dari Politeknik Nilai, manakala PERKESO diketuai oleh En. Hafiz Shamsudin (Pegawai Pertubuhan Keselamatan Sosial). Menerusi SIP Prihatin 2.0, anda berpeluang mendapat pekerjaan di bawah platform MYFutureJobs. Selain itu, anda akan layak menerima elaun sehingga RM600 untuk tempoh 2 bulan melalui Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) dan elaun tambahan sebanyak RM400 sekiranya anda berjaya kembali bekerja.

**EXPLORE ENGINEERING CAD AND INVENTOR DRAWING**



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) di bawah Pengurusan Penyelaras DJJ10013 ENGINEERING DRAWING & DJJ30122- COMPUTER AIDED DESIGN telah mengadakan program '*Explore Engineering CAD and Inventor Drawing*' bersama panel industri, Pn. Suryati A Samad dan Autodesk Instructor, En. Mohd Khairul Domadi secara langsung menggunakan platform WEBEX. Program ini dikendalikan oleh Pn. Samsiah Sha'aban dan En. Nairul Akmar Akashah selaku moderator.

Objektif program ini adalah untuk membantu mewujudkan minat pelajar dalam bidang kejuruteraan dan kefahaman berkaitan kepentingan lukisan kejuruteraan sebagai asas bidang kejuruteraan. Selain itu program ini membantu pelajar lebih mengetahui cara menghasilkan kerja yang baik dalam lukisan CAD dan Inventor seiring dengan kehendak industri di samping membantu menambahkan pengetahuan dan kesedaran pelajar berkaitan peluang kerjaya di dalam kemahiran lukisan CAD dan Inventor.

WEBINAR STEM SEMPENA PROGRAM STEM E-CHALLENGE @PNS 2021

Politeknik Nilai (PNS) bersama National STEM Association (NSA) Webinar STEM sempena Program *STEM e-Challenge @PNS* 2021 melalui platform: Webex. Program ini bertujuan memberi kesedaran dan minat pelajar serta komuniti setempat berkaitan STEM di samping melahirkan pelajar dan masyarakat yang berdaya saing dan berfikir secara kritis dan kreatif.

**WEBINAR**  
**STEM**  
**e-CHALLENGE**  
**@PNNS 2021**

**SPEAKER**  
Prof. Dato' Dr. Noraini Idris  
President  
National STEM Association<sup>\*</sup>

**SPEAKER**  
HJ. Wan Zurikify Wan Zakaria  
President  
Politeknik Nilai

**MODERATOR**  
Ts. Kamal Haron  
Ketua Jabatan JMSK

untuk penyertaan  
sila imbas kod QR  
atau sila layari  
<https://bit.ly/STEMe-ChallengePNNS2021>

# WEBINAR BICARA INDUSTRI : MANFAAT PANGKALAN DATA PELANGGAN DI DALAM PERNIAGAAN

The screenshot shows a Microsoft Teams meeting interface. On the left, there's a banner for 'PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI (PPI)' featuring a man in an orange shirt and a blue background. The main title is 'WEBINAR BICARA INDUSTRI: MANFAAT PANGKALAN DATA PELANGGAN DI DALAM PERNIAGAAN'. Below it, details are provided: 'Google Meet', '14 OKTOBER 2021 2.30 - 4.30 PGATANG DBS 3', and 'PENCERAMAH: EN. RAJA SARAJA FAJU BIN RAJA SHAFARIAH DATOH CEO Onseni Group Sdn. Bhd.'. The meeting has 20 participants, including the host and various speakers. The video feed for the host shows him sitting on the floor, wearing a cap and an orange shirt.


Perkongsian ilmu ini disampaikan oleh YM Raja Safuan Raja Shariffadilah, CEO Onesty Group Sdn Bhd yang melibatkan pelajar semester 3 Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS)

## HARI PERSARAAN TS. ABDUL MALEK A. MANAP



Selamat bersara buat Ts. Abdul Malek A. Manap, pensyarah kanan di Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB). Jasa dan bakti beliau sentiasa dalam lipatan kenangan dan semoga beliau cemerlang di dunia dan akhirat.

## CUSTOMER RELATIONSHIP MANAGEMENT (CRM) TALK BY DR HALIM HAMIM




Webinar ini merupakan program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) yang dibawakan oleh program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) dan terbuka kepada 282 orang pelajar DBS, DLS dan DRM. Pensyarah industri jemputan bagi sesi webinar ini adalah Dr. Halim Hamim merupakan Training Consultant, MREC & Malaysia Productivity Corporation (MPC).

## LAWATAN KERJA JABATAN AGOTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB)





Lawatan Kerja Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) ke Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik Universiti Putra Malaysia (I-Aquas) di Port Dickson.

## WEBINAR DRM-PARKSON: RETAIL INDUSTRY APPROACH




Webinar ini merupakan program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) yang dibawakan oleh program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) kepada semua pelajar DRM Semester 3 hingga Semester 5. Seramai 155 orang pelajar dan 10 orang pensyarah terlibat dalam webinar yang berlangsung dalam talian Webex ini. Pensyarah industri jemputan bagi sesi webinar ini adalah Tuan Faizam Edzal Yaacob yang merupakan Store Manager bagi Outlet Parkson Alamanda, Putrajaya. Topik yang beliau sampaikan adalah berkenaan dengan tajuk "*Merchandising in Parkson*".

## WEBINAR DRM-AEON: RETAIL INDUSTRY APPROACH



Webinar ini merupakan program Pensyarah Pelawat Industri (PPI) yang dibawakan oleh program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM) kepada semua pelajar DRM Semester 1 hingga Semester 5 seramai 181 orang dan 10 orang pensyarah. Pensyarah industri jemputan bagi sesi webinar ini adalah Miss Haizon Haini Mokhtar yang merupakan Non-Executive Director, AEON TOPVALU (M) Sdn Bhd and Head of Business Unit, AEON Co (M) Bhd. Topik yang beliau sampaikan adalah berkenaan dengan tajuk "*Embracing New Retail POST COVID perspective: In the context of the Glocal-Environment*"

## PROGRAM DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN (DBS) JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK NILAI




Program ini telah berlangsung secara dalam talian Webex. Program ini melibatkan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) yang dikendalikan oleh En. Khirulnizam Abd Rahman, Pensyarah di KUIS. Beliau menyampaikan ceramah bertajuk 'Perkhidmatan E-Commerce Percuma Buatan Malaysia'.

## KEM KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)



Kem ini telah dilaksanakan bertempat di Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong, Terengganu. Seramai 24 orang MPP dan 6 orang pensyarah pengiring terlibat dalam kem ini. Tujuan kem ini adalah untuk menyemai sifat kepimpinan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin dan lebih berkeyakinan dalam membuat sesuatu keputusan yang tepat.

## KURSUS PROJECTIVE DRAWING




Unit Pengurusan Psikologi, JHEP bersama Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Politeknik Nilai telah mengadakan satu kursus berkenaan tafsiran umum simbol-simbol dalam lukisan seseorang. Seramai 57 peserta telah menyertai kursus ini. Penceramah jemputan bagi kursus ini ialah Tuan Mohd Radhi Abu Shamin, Pensyarah kaunseling dan Master Trainer Art Drawing, House Tree Person.

## KARNIVAL CINTA RASULLAH



Tazkirah disampaikan oleh YAA Dato' Abas Nordin, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah, Negeri Sembilan bertajuk "Perpaduan Ummah" Sempena Karnival Cinta Rasulullah.

## WEBINAR TECHNICAL OR BUSINESS GRADUATE? WHAT WILL THE INDUSTRY OF THE FUTURE LOOK LIKE?



Program webinar dengan tema "DBS Graduates, The Route to take" dengan panel jemputan, En. Muhamad Azizi Aziz selaku Manager Business Intelligence dari Malaysia Airlines. Webinar ini di hadiri oleh pelajar semester 3 dan 4 Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS). Dengan perkongsian lengkap mengenai konsep peningkatan kemahiran, tenaga kerja yang fleksibel, perbezaaan skop kerjaya dalam sains data dan kepentingan digital skills mampu memberi pendedahan kepada pelajar akan kerjaya yang menanti di masa hadapan. Webinar ini berlangsung secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet.

## PERLAWANAN PERSAHABATAN WOODBALL PNS DAN PMS

Perlwanan persahabatan Woodball antara pasukan Politeknik Nilai (PNS) dan Politeknik Muadzam Shah (PMS) di Laman Woodball Politeknik Nilai



## KURSUS KEPIMPINAN DAN PEMANTAPAN PROSEDUR KUALITI JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB) POLITEKNIK NILAI



Kursus ini telah berlangsung di Kg. JKIN Extreme Park, Seremban yang melibatkan semua staf Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB). Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran interpersonal untuk memberi inspirasi, mengasah potensi rakan sekerja di samping membina semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf JAB. Kursus ini diterajui oleh Ketua JAB iaitu LAr. Dr. Fara Diba binti Badrul Hisham dengan bantuan En. Hafiz bin Sulaiman, Pn. Nurul Azura serta semua ajk yang terlibat.

## FORUM MAULIDUR RASUL 1443H/2021M



Anjuran bersama Politeknik dan Kolej Komuniti Negeri Sembilan dengan kerjasama Dewan Belia, Majlis Dakwah Negara. Forum bertajuk "Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti". Panel jemputan adalah:


- Panel 1 : Us. Mohd Sabri Alias, Politeknik Port Dickson (PPD)
- Panel 2 : Us. Dr. Anuar Hasin, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Moderator : Us. Dr. Hj. Yusni Mohamad Yusak, Politeknik Port Dickson (PPD)

## KURSUS AGRI IOT IRRIGATION SYSTEM



Selesai Kursus Agri IoT Irrigation System dengan jayanya. Terima kasih pada tenaga pengajar dan pensyarah yang telah memberi '*full commitment*', juga Ketua Program DEM, En. Mohd Shukri Abdul Hamid yang menyokong penuh kursus ini. Kursus yang berlangsung selama 3 hari ini mengfokuskan kepada pembangunan teknologi IOT melalui aplikasi PLC WECON, VBOX, web SCADA, Programming using timer serta penggunaan sensor-sensor terkini secara praktikal di dalam bidang agro pertanian khususnya.

## MOCK MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY VIRTUAL AUDIT (MQAVA)




Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) Politeknik Nilai telah berlangsung melalui Webex dan telah dikendalikan oleh Ahli Panel Penilai jemputan, Dr. Mazura Mansor, Pensyarah Utama daripada Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS).

## BENGKEL ONLINE MARKETING & BUSINESS MODEL CANVAS

Unit Keusahawanan PNS telah mengadakan Bengkel *Online Marketing & Business Model Canvas* secara dalam talian menerusi Webex. Semua pelajar yang mengambil subjek MPU22012 Entrepreneurship (DBT2A, DBT2B, DLH3A, DLH3B, DLS4A, DLS4B, DIB3A, DRM2A, DLS4C, DKM5A, DEM5A & DEM5B) telah terlibat dengan bengkel tersebut. Bengkel telah dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu En. Fahmi Idris, CEO of Dr Lauranne Malaysia MDEC Master Trainer.



## WEBINAR PENGATURCARA MENJANA USD TANPA KE USA?



Program webinar dengan tema "DBS Graduates, The Route to take" dengan jemputan panel, En. Khairil Iszuddin Ismail selaku CEO Taming Tech Sdn. Bhd. Webinar ini dihadiri oleh pelajar semester 2, 3 dan 4 Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) Jabatan Perdagangan. Dengan perkongsian lengkap mengenai bagaimana menjana income dalam USD melalui penjualan hasil sumber rujukan digital seperti kod aturcara, e-book, aplikasi, video tutorial yang bermanfaat kepada pembangun sistem / laman web atau sesiapa sahaja yang berminat dalam bidang pembangunan web / sistem. Webinar ini berlangsung secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet.

## KARNIVAL CINTA RASUL 2021M/1443H SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1443H PERINGKAT POLITEKNIK NILAI



Antara pengisian menarik dalam karnival ini adalah Bicara Cinta Rasul bersama Imam Muda Aran, PNS berselawat dan Forum Maulidur Rasul.

## KURSUS 3-D PRINTER D.I.Y ASSEMBLY




Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah menganjurkan satu kursus 3D Printer : DIY Assembly selama 3 hari. Kursus ini telah disampaikan oleh beberapa orang trainer dari MIMOS. Antara objektif bagi kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tentang pelbagai aspek rapid prototyping dan teknologi terkini 3-D printing yang boleh memberi manfaat buat pelajar JKM kelak.

## PENGANUGERAHAN ANUGERAH BITARA SEMPENA SAMBUTAN BULAN AKADEMIA ZON TENGAH 2021



Tahniah kepada LAr Dr. Farah Diba Badrul Hisham, Ketua Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) atas penganugerahan Anugerah Bitara sempena sambutan Bulan Akademia Zon Tengah 2021 yang membawa tema 'Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya'. Pengumuman Anugerah tersebut telah disampaikan dalam Majlis Perasmian Penutupan Bulan Akademia Peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam .

## KURSUS INFORMATION TECHNOLOGY IN SUPPLY CHAIN MANAGEMENT



Kursus secara dalam talian ini telah disertai oleh 22 orang pensyarah dari Program Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) dan Program Diploma Pengurusan dan Rantaian bekalan (DLS). Kursus ini diadakan bertujuan untuk memastikan para pensyarah dalam bidang berkenaan diberikan peluang untuk mendalami dan meningkatkan kompetensi mereka sebagai tenaga pengajar. Penceramah bagi kursus ini adalah Mr. Shanmuganathan CILT-UK, CSCP yang mempunyai 20 tahun pengalaman kerja dalam bidang Supply Chain Management dalam dan luar negara.

## BENGKEL PEMBANGUNAN DIRI DAN PELAN TINDAKAN UNIT SOKONGAN POLITEKNIK NILAI



Bengkel Pembangunan Diri dan Pelan Tindakan Unit Sokongan Politeknik Nilai telah diadakan di Ancasa Hotel & Residences, Port Dickson. Bengkel ini melibatkan seramai lebih kurang 40 orang staf sokongan pelbagai gred dari semua unit sokongan di PNS.



## KURSUS ASAS AUTOCAD VERSI 2020



Kursus ini dilaksanakan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) bersama Sekolah Menengah KLIA yang melibatkan seramai 33 orang pelajar untuk siri ke-3.

## PERTANDINGAN MYAGROSIS CUP 3.0 2021



Keputusan Pertandingan MyAgrosis Cup 3.0 2021. Tahniah kepada pemenang dan syabas diucapkan kepada pelajar Politeknil Nilai yang berjaya layak dalam 5 pasukan di pertandingan akhir dan seterusnya berjaya merangkul tangga ke empat antara yang Terbaik.

1. Universiti Malaysia Terengganu
2. Universiti Tun Hussien Onn
3. UiTM (Dungun)
4. **Politeknil Nilai (PNS)** - NFT Smart Kit
5. UiTM (Dungun)

## AKTIVITI KUTIP SAMPAH DI SANGKAR KITARSEMULA BERSAMA SWM SDN BHD.



Aktiviti Kutip sampah di Sangkar Kitarsemula bersama SWM Sdn Bhd. Program ini kolaborasi antara Politeknil Nilai dan SWM Sdn Bhd dan melibatkan Warga PNS.

## ANUGERAH STAFF AWARD RECOGNITION (STAR PNS 2021)

**Staf Cemerlang Keseluruhan (Anugerah Khas Pengarah)**  
LAr. DR FARAHIBA BINTI BADRUL HISHAM  
(Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri)

**Anugerah Kesukarelawanan Cemerlang PNS 2021**  
Norfazila Binti Ahmad  
(Jabatan Pengajian Am)

**Anugerah Pensyarah Cemerlang PNS 2021**  
**Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri(JAB)**  
Noor Atiqah Binti Sanudin Nur'Assyakirin Binti Mohamed Paid

Anugerah ini julung-julung kalinya diadakan dan dianjurkan oleh pihak Pengurusan Politeknik Nilai bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf PNS yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai peringkat dan kategori

## MAJLIS PERHIMPUNAN STAF POLITEKNIK NILAI BIL 3/2021



Majlis ini telah berlangsung secara hibrid di mana majlis diadakan secara bersempena bertempat di Dewan Kuliah Utama (DKU) manakala secara dalam talian berlangsung melalui WeBex. Majlis perhimpunan kali ini dihostkan oleh Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB).

## FORUM STEM "WHY STEM MATTERS - FULFILLING INDUSTRY EXPECTATIONS IN THE DIGITAL ECONOMY"

**FORUM:**  
"WHY STEM MATTERS -  
Fulfilling Industry  
Expectations in the Digital  
Economy"

**PANEL 1:**  
DATO DR. BAHÀ HJ. NORDIN  
Presiden STIFIn Malaysia

**PANEL 2:**  
DR. RAHMAT I K SHAZI  
Technologi Director of ShazInnovation Solution

**PANEL 3:**  
MADAM RANI WEMEL  
COO

**MODERATOR:**  
NOORSHIMA BINTI SHAHARI  
HEAD OF DLS PROGRAMME, PNS /  
NSA SECRETARAT

**DATE & TIME:** 2 NOVEMBER 2021 (TURSADAY)  
10:00 AM - 12:00 NOON

**PLATFORM:** WEBEX (LINK: <https://bit.ly/ForumSTEM>)

**ORGANISED BY:** DLS PROGRAMME, POLITEKNIK NILAI

**FORUM:**  
"WHY STEM MATTERS -  
Fulfilling Industry  
Expectations in the Digital  
Economy"  
STEM E-CHALLENGE @PNS 2021

**2 NOVEMBER 2021**  
10:00 AM  
Organised by DLS Programme, Nilai Polytechnic

Politeknik Nilai melalui Jabatan Perdagangan (JP) mengadakan Forum STEM sempena Program STEM e-Challenge PNS 2021 secara dalam talian menggunakan platform Webex. Panel jemputan adalah:

1. Dato Dr. Baha Hj Nordin, Presiden STIFIn Malaysia
2. Dr. Rahmat I K Shazi, Technologi Director of ShazInnovation Solution
3. Madam Rani Wemel, COO LTT Global Communications Sdn Bhd

## BENGKEL PENYELARASAN KANDUNGAN (CONTENT) LAMAN WEB RASMI POLITEKNIK NILAI



Bengkel ini telah berlangsung secara bersemuka dan dianjurkan oleh Unit Komunikasi dan Perhubungan Korporat (UKK) bertempat di Bilik Makmal Multimedia, Jabatan Perdagangan. Bengkel ini melibatkan wakil-wakil dari jabatan, unit dan pusat bagi menyelaras kandungan dalam Laman Web Rasmi Politeknik Nilai. Bengkel juga membincangkan cadangan penambahbaikan kandungan serta mengemaskini maklumat-maklumat setiap jabatan, unit dan pusat sebagai menjaga imej dan reputasi Politeknik Nilai. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Pn. Norfazila Ahmad, Ketua Unit Komunikasi & Perhubungan Korporat (UKK) dan En. Mohd Azizie Ibrahim selaku *Personal in Charge* (PIC) Laman Web PNS.

## LAWATAN PENANDARASAN AKREDITASI PROGRAM ETAC DEM JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)



Lawatan Penandarasan Akreditasi Program ETAC bagi program Diploma Kejuruteraan Mekatronik (DEM) JKM Politeknik Nilai ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah berlangsung selama 3 hari bagi melihat dan mendapatkan pendedahan tentang persediaan dan perlaksanaan proses akreditasi di kedua-dua institusi berkenaan.

## KURSUS PENGENDALIAN BIOREAKTOR



Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) telah menganjurkan Kursus Pengendalian Bioreaktor bagi tujuan upskilling pensyarah Diploma Bioteknologi dalam pengendalian bioreaktor. Kursus ini telah disampaikan oleh En. Rosli Aslim dan En. Nelson Arokiasamy daripada Almega Laboratory Solutions Sdn Bhd. Kursus ini memberikan pendedahan dari sudut teori, operasi, penyelenggaraan dan troubleshooting secara praktikal.

## BENGKEL PENGURUSAN PASUKAN INSPEKTORAT DALAMAN (PID) POLITEKNIK NILAI



Bengkel ini telah menjemput 2 orang pegawai dari Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Pn. Rahaidah Abd Rahim, Ketua Penolong Pengarah, Pn. Suzliana Marsom, Penolong Pengarah Kanan. Kedua-dua penceramah jemputan tersebut telah menyampaikan ceramah berkaitan tentang Integriti dan Rasuah serta Pengurusan Pasukan Inspektorat Dalaman (PID).

## BENGKEL PEMURNIAN PELAN TINDAKAN 2021 DAN PERANCANGAN PELAN TINDAKAN 2022




Bengkel ini telah dilaksanakan secara hibrid. Bengkel telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Nilai, Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria dengan kata aluan seterusnya pembentangan KPI dan pembentangan Pelan Tindakan 2021, Perancangan Pelan Tindakan 2022 dan hari pertama diakhiri dengan pembahagian kumpulan.

## MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK NILAI KALI KE-9



Majlis Konvokesyen Politeknik Nilai Kali Ke-9 telah berlangsung pada 9-12 November 2021 (Selasa-Jumaat) bertempat di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai secara temujanji mengikut norma baharu susulan pandemik COVID-19. Konvokesyen pada kali ini melibatkan pelajar dari 4 kohort iaitu Sesi Dis 2018 sehingga Sesi Jun 2020. Konvokesyen pada kali ini bertemakan 'Kelestarian TVET Norma Baharu, Transformasi Teknologi Pendidikan'. Tahniah kepada semua graduan yang terlibat.

## BENGKEL MINDFULNESS RELAXATION THERAPY



Unit Pengurusan Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan PRS Politeknik Nilai telah mengadakan bengkel tersebut secara dalam talian menggunakan platform Cisco Webex. Bengkel telah menjemput khas Profesor Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip dari Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

## KUNJUNGAN HORMAT PIHAK YAYASAN NEGERI SEMBILAN KE POLITEKNIK NILAI



Kunjungan ini diketuai oleh Ketua Bahagian Pendidikan Yayasan Negeri Sembilan (YNS), En. Azis Jakfar Soraji. Rombongan YNS ini disantuni oleh En. Shuharzi Md Salleh, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ketua Jabatan JHEP En. Mohd Khairulhazlan Mohamed Zam dan Pegawai di JHEP. Perbincangan berkisar tentang peranan yang dimainkan oleh YNS dalam membantu para pelajar khususnya pelajar anak Negeri Sembilan di Politeknik Nilai. Kolaborasi strategik diharapkan dapat direalisasikan antara PNS dan YNS demi masa depan para pelajar.

## PROJEK INOVASI PELAJAR DBS DI INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN EXPO INODEX 2021



Penyertaan Projek Inovasi Pelajar DBS di *International Invention, Innovation & Design Expo Inodex 2021* telah berjaya memperoleh **3 perak dan 1 gangsa**.

### Pingat Perak

Tajuk Projek : Allumrah di bawah seliaan Pn. Norhafeeza Bambang Shaidi dan pelajar:

1. Nur Syafiqah Binti Hamsa
2. Muhammad Suffian Bin Muhammad Shafiq Sekaran

Tajuk Projek : MyClinic di bawah seliaan Pn. Zauyah Azman dan pelajar:

1. Nur Fatin Naqiyah Juhari
2. Nur Nadhirah Izzatie Binti Jamsari

Tajuk Projek : Busgoo di bawah seliaan Pn. Noor Aini Moharad dan pelajar:

1. Siti Nur Hafsa Binti Jamaludin
2. Nur Farhana Binti Salih

### Pingat Gangsa

Tajuk Projek : *Baggage Tracker* di bawah seliaan Cik Norhidayah Samsu dan pelajar:

1. Zulaikha Binti Shaharel
2. Nur Asyikin Binti Omar

## LAWATAN PENANDAARAS MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK NILAI KALI KE-9

Lawatan Penandaaras Majlis Konvokesyen Politeknik Nilai Kali Ke-9 oleh Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dan Politeknik Port Dickson (PPD)



### KURSUS ASAS AUTOCAD VERSI 2020 BERSAMA SEKOLAH MENENGAH DESA CEMPAKA



Kursus Asas AUTOCAD Versi 2020 bersama Sekolah Menengah Desa Cempaka yang melibatkan 18 orang pelajar dan diiringi oleh Cikgu Zaida Mat Jusoh dalam kursus tersebut. Kursus dijalankan di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan dikendalikan oleh Pn. Rosliza Hasan, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM).

### PROGRAM SEPAKAT KELUARGA MALAYSIA DAERAH SEREMBAN 2021



Telah berlangsung program khidmat masyarakat di Taman Semarak 2, Nilai. Program ini adalah anjuran bersama Politeknik Nilai dan Jabatan Penerangan Daerah Seremban. Beberapa agensi lain juga dilibatkan bersama dalam program ini bagi mengukuhkan hubungan strategik sedia ada mereka bersama Politeknik Nilai.

## PERLAWANAN PERSAHABATAN WOODBALL



Perlwanan persahabatan Woodball antara Team Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Nilai (PNS) telah berlangsung di padang Woodball Politeknik Nilai sebagai latihan untuk mengasah skil permainan tersebut.

## PROGRAM WEBINAR PENGAMBILAN PERAJURIT MUDA (PTM) TLDM SIRI 223/22 LEPASAN DIPLOMA KEJURUTERAAN

BERKHIDMAT DI ASET STRATEGIK NEGARA

- Kapal Perang
- Kapal Selam
- Helikopter
- Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAS)

PANGKAT FUNGSI TUGAS AH  
TAHUN BERKHIDMAT SLK UMUM

UK II	UK I	LK	BH	EK	PW II	PW I
PELATIH	PELAHKANA	PENYELJA	PENASIRAT			
(1 - 3)	(3 - 5)	(5 - 15)	(15 - 20)			

TAHAP SME KEUPAYAAN SLK SME

JOHN SAME ASAS OPERATOR MAINTENANCE INSTRUCTOR PROBLEM SOLVER ADVISOR CONSULTANT PERTENGAHAN LANUTAN KAPAL - UNIT BERKAITAN SME - PROJEK

KAPAL - PENGANGKARAN

TAMAT PERKHIDMATAN

TAMAT PERKHIDMATAN


Unit Kerjaya dengan kerjasama Alumni Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah mengadakan Program Webinar Pengambilan Perajurit Muda (PTM) TLDM Siri 223/22 Lepasan Diploma Kejuruteraan (Lelaki). Program ini juga merupakan satu platform buat para pelajar semester 5 dan Alumni Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) mendapatkan maklumat dan pendedahan berkaitan peluang pekerjaan kepada pelajar yang berminat untuk menyertai bidang ketenteraan apabila tamat pengajian di politeknik.

## KEJOHANAN PING PONG MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK) KG FELDA SENDAYAN



Tahniah diucapkan kepada atlet Ping Pong Politeknik Nilai iaitu Syafiqah Umairah Mohd Radzi DIB5 Jabatan Perdagangan (JP) dan Esma Riffqi Mohd Rodzi DKM5 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) di atas kejayaan memenangi tempat pertama acara Bergu Terbuka dalam Kejohanan Ping Pong MPKK Kg Felda Sendayan Negeri Sembilan yang diadakan di Balai Raya Kg Felda Sendayan. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengerusi MPKK Kg Felda Sendayan. Pihak Politeknik Nilai mengucapkan tahniah dan syabas atas pencapaian kedua-dua atlet pelajar tersebut.

## LAWATAN PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY VIRTUAL AUDIT PROGRAM DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM (DIB) JABATAN PERDAGANGAN



Lawatan audit ini telah berlangsung secara dalam talian menerusi google teams. Ahli Panel Penilai yang terlibat adalah Profesor Madya Ezani Yaakub, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Pegawai MQA, Pn. Mawaddah Hilmi dari Malaysian Qualifications Agency (MQA).

## LAWATAN KERJA FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS MAKANAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) KE JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB) POLITEKNIK NILAI



Lawatan delegasi dari UMT ini terdiri daripada Profesor Madya Dr. Hayati Mohd Yusof, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) dan Dr. Nabila Abd Hadi, Felo Akademik untuk meninjau dan membuat perbincangan ilmiah bagi Program Sarjana Muda Agroteknologi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Antara perkara yang dibincangkan adalah bertukar idea dan pandangan dalam bidang bioteknologi dan pertanian, kebolehpasaran pelajar Diploma JAB, kolaborasi dalam penyelidikan serta memantapkan *Centre of Technology* (CoT) tisu kultur Politeknik Nilai.

## SESI PERKONGSIAN TENTANG RETROFITTING CNC MACHINES



Sesi perkongsian tentang *Retrofitting CNC Machines* bersama Prof Dr. Yusri Yusof dari UTHM berjalan dengan jayanya bersama beberapa orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) serta turut dihadiri Pengarah Politeknik Nilai, Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria. Perbincangan ini telah membuka satu lagi paradigma kepada pensyarah JKM PNS tentang *retrofitting machines* serta gabungan elemen IoT yang mana kian berkembang pesat pada era IR 4.0 ini.

## PROMOSI PENDAFTARAN G-CARD VISA BSN



Politeknik Nilai telah menerima kunjungan dari Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi mengadakan Promosi pendaftaran G-Card Visa BSN khas untuk kakitangan kerajaan, tiada yuran tahunan pendaftaran percuma.

## PROGRAM AKTIVITI CSR BERSAMA PUSAT PENGAJIAN IBNU RAZAK (IREC), SIMPANG PERTANG NEGERI SEMBILAN



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dengan kerjasama Unit Keusahawanan, Politeknik Nilai (PNS) meneruskan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Pusat Pendidikan Ibnu Razak (iREC). Dalam menangani impak COVID-19, JKM PNS telah mengambil inisiatif bagi mengurangkan beban yang perlu ditanggung oleh komuniti yang terkesan terutamanya pihak institusi pendidikan yang terjejas pendapatan. Sehubungan dengan itu, JKM dengan kerjasama Unit Keusahawanan telah menyediakan set NFT khusus bagi menghasilkan penanaman sayur-sayuran secara hidroponik.

## WEBINAR SCAMMER 'HARAPAN BERTUKAR KEHAMPAAN'

Two screenshots from a Webex video call. The left screenshot shows a presentation slide with the title 'PERKONGSIAN INFO SCAM / PENIPUAN' and subtext 'BERSAMA BANK RAKYAT CAWANGAN NILAI &amp; ENSTEN (07 DISMBER 2020)'. The right screenshot shows another slide titled 'CARA SCAM BERLAKU' with a list of scam types: 'PANGGIL TELEFON', 'LOVE SCAM', 'PENIPUAN "BLACK MONEY"', 'PENIPUAN GUNA PARCEL', and 'PENIPUAN SMS CABUTAN BERTUAH'. The interface shows participants' names and video feeds.

Webinar ini telah dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Webex sempena Hari Bersama Pelanggan Politeknik Nilai. Webinar telah disampaikan oleh penceramah jemputan, En. Badrulshah Mohamed, Pengurus Cawangan Bank Rakyat Nilai. Antara perkongsian yang dikongsi oleh beliau adalah tentang cara-cara pencegahan berlakunya scam.

## HARI BERSAMA PELANGGAN POLITEKNIK NILAI



Hari Bersama Pelanggan Politeknilk Nilai telah berlangsung secara dalam talian menggunakan platform Webex. Program ini dianjurkan oleh Unit Komunikasi dan Perhubungan Korporat (UKK) dengan kerjasama Unit Khidmat Pengurusan (UKP), Unit Teknologi Maklumat (UTM) dan Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan (UPP) bagi menutup tirai Tahun 2021.

## INTERNATIONAL MAIoT CHALLENGE 2021



Tahniah kejayaan Top-10 (tempat ke 9) pertandingan Video Prototype bagi pelajar projek tahun akhir Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) dengan tajuk 'Smart Hiking Stick'. Pemenang menerima wang tunai berjumlah RM100.

Penyelia : Cik Norhidayah Binti Samsu

Pelajar:

1. Ebinisha Priya A/p Aruldaas
2. Jaaykirthi A/p Thanabalan
3. Muhammad Fazely Bin Zukri

## BENGKEL PELAN STRATEGIK JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB)



Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik JAB 2022 pada 9 Disember 2021 bertempat di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai dan telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) iaitu LAr. Dr. Fara Diba binti Badrul Hisham. Bengkel ini adalah bertujuan untuk membentangkan carta fungsi dan skop tugas semua staf JAB bagi tahun semasa, menyelaras dan mensasarkan KPI (Indeks Prestasi Utama) bagi tahun 2022 di bawah pentadbiran setiap unit kecil.

Selain itu, melalui bengkel ini juga setiap perancangan aktiviti dan program jabatan sepanjang tahun 2022 disusun sebaiknya menggunakan aplikasi dalam talian. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua pensyarah dan staf jabatan dan mendapat kerjasama yang sangat baik dari semua. Bengkel ini diakhiri dengan pembentangan oleh setiap pegawai khas yang dilantik bagi setiap unit kecil jabatan.

## BENGKEL PENYEDIAAN TAKWIM JABATAN PERDAGANGAN (JP) DAN POLITEKNIK NILAI (PNS ) BAGI TAHUN 2022



Bengkel Penyediaan Takwim Jabatan Perdagangan (JP) dan Politeknik Nilai (PNS ) bagi tahun 2022 ini bagi membincangkan perancangan program / aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Perdagangan sepanjang Tahun 2022

## BIOTECH FUN WEEK 2021



Majlis penutup diadakan secara hibrid dan disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Nilai, Tn. Hj Wan Zulkifly Wan Zakaria. Sebanyak 8 pengisian program telah dijalankan sepanjang minggu bermula pada 6 -10 Disember 2021 iaitu:

1. Biotech Quiziz
2. Biotech Doodle Competition
3. Biotech Tiktok Competition
4. Digital Escape Room Challenge
5. Biotech on Jeopardy
6. Class Cheer Competition
7. 1 Hour with Alumni
8. Knowledge Sharing With Expert

Pemenang keseluruhan bagi Biotech Fun Week 2021 ialah:

1. DBT5B
2. DBT5A
3. DBT3A

## WEBINAR BICARA PSIKOLOGI "ANDA TANYA, KAMI JAWAB"

Unit Pengurusan Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan PRS Politeknik Nilai telah mengadakan program Webinar Bicara Psikologi : "Anda Tanya, Kami Jawab" dan disampaikan oleh Dr. Ameerah Adeelah Muhammad Arip dari Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah, Negeri Sembilan



## PROGRAM FORTNIGHT WITH DIB POLITEKNIK NILAI



Pelajar semester 2 Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) menganjurkan program *Fortnight With DIB*.

## MAJLIS PENTAUILAHAN EMAS PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA TAHUN 2021



TAHNIAH kepada Zulkhairi Zainal Hisham, alumni Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) Politeknik Nilai yang juga mantan Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2019 telah berjaya dianugerahkan **EMAS** bagi Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda daripada YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu.

## UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING 2021



Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua institusi yang telah menyertai *UI GreenMetric World University Ranking 2021*. Sejumlah 956 institusi seluruh dunia telah menyertai pada tahun ini Kedudukan Politeknik Malaysia dalam *World's Most Sustainable Universities 2021 UI GreenMetric World University Rankings*:

1. Politeknik Merlimau Melaka (PMM) 246
2. Politeknik Mersing Johor (PMJ) 528
3. Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) 644
4. Politeknik Kuching Sarawak (PKS) 721
5. Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) 839
- 6. Politeknik Negeri Sembilan (PNS) 886**
7. Politeknik Banting (PBS) 888

## LAWATAN INDUSTRI JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB) BERSAMA LOVE GARDEN NURSERY KE ARAH MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PDP DAN FASILITI



Perbincangan awal berkaitan kolaborasi bersama industri dalam kerjasama sebagai Penasihat Industri, bimbingan dan kepakaran dalam keusahawanan hortikultur landskap, pelaksanaan teori dan amali PdP, pengkomersialan produk DLH dan CoT tisu kultur, penempatan Latihan Industri serta kerjasama dalam program / kursus berkaitan bidang hortikultur landskap.

### KARNIVAL INOVASI @UMT 2021



Politeknik Nilai telah menghantar penyertaan bagi kategori amalan inovasi pengajaran & pembelajaran yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 19-20 Disember 2021 melalui Ts. Khairul Nizam Kamarudin, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dengan inovasi "Eccentric Turning Tools". Tahniah kepada beliau kerana penyertaan tersebut telah memenangi pingat **EMAS** bagi kategori yang dipertandingkan.

## LAWATAN INDUSTRI JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI (JAB) DAN UNIT KEUSAHAWANAN



Perbincangan awal berkaitan kolaborasi bersama industri dalam memperkasa CoT tisu kultur tumbuhan hiasan. Perbincangan menjurus kepada kerjasama sebagai Penasihat Industri, bimbingan dan kepakaran dalam inkubator keusahawanan, pengkomersialan produk, penempatan Latihan Industri serta kerjasama dalam program / kursus berkaitan bidang bioteknologi dan hortikultur landskap. Lawatan ke Gadek Nurseri Melaka ini dihadiri oleh CEO Gadek Nurseri, En. Khairul Amin, Ketua Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB), LAr Dr. Fara Diba Badrul Hisham dan Ketua Unit COT En. Muhammad Azlan Yusuff turut serta Ketua Unit Keusahawanan, Pn. Suzana Ithnain.

## KURSUS POLYSKILL FLORIKULTUR – FLOWER DECORATION



Kursus Polyskill Florikultur - Flower Decoration telah berlangsung dengan jayanya, yang melibatkan para pelajar semester 5 Diploma Hortikultur Lanskap. Kursus ini telah dibimbing oleh pensyarah kursus Florikultur iaitu En. Mohd Ashraf Ngah dan Pn. Siti Mas Irdawati Md Shahroon, memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan dengan teknik-teknik gubahan bunga. Kursus ini juga adalah salah satu usaha dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar DLH dalam bidang Florikultur. Hasil dapatan kursus ini, pelajar telah menghasilkan 'Gigantic Flower Decoration Wall' dengan gubahan bunga yang menarik.

## MAJLIS APRESIASI PROJEK AKHIR PELAJAR DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP

MAJLIS APRESIASI  
PROJEK AKHIR  
DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP  
POLITEKNIK NILAI  
SESI 1 2021/2022

31 DISEMBER 2021  
3.00 PETANG  
YOUTUBE CHANNEL JAB

DIRASMIKAN OLEH  
Tn Hj Wan Zulkifly B. Wan Zak  
Pengarah Politeknil Nilai

Selamat Datang Ke Majlis Apresiasi Projek Akhir Diploma Hortikultur Lanskap Ses 1 2021/2022

MAJLIS APRESIASI PROJEK AKHIR DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP POLITEKNIK NILAI SESI 1 2021/2022

396 views • Streamed live on Dec 31, 2021

48 DISLIKE SHARE SAVE DESCRIPTION

2021/2022 Selamat

Majlis Apresiasi Projek Akhir Pelajar Diploma Hortikultur Lanskap telah berlangsung pada 31 Disember 2021 secara langsung di saluran Youtube Rasmi Jabatan Agro Teknologi Bio-Industri. Majlis ini dianjurkan bagi memberi penghargaan di atas usaha dan komitmen pelajar semester 5 dalam menyelesaikan projek akhir mereka di samping memberi penghargaan kepada projek-projek yang terpilih. Di samping itu juga majlis ini memberi sedikit pengalaman dan kenangan berharga kepada pelajar semester 5 kerana selepas ini mereka akan menjalani sesi latihan industri. Majlis merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Pengarah Politeknil Nilai, Ketua Jabatan, Ketua Program, barisan pensyarah dan para pelajar di atas sumbangan, dokongan dan komitmen yang telah diberikan bagi menjayakannya.

## OPERASI SKUAD BANJIR POLITEKNIK NILAI (PNS)



Skuad Banjir PNS yang diketuai oleh Pengarah Politeknik Nilai Tn. Hj. Wan Zulkifly bin Wan Zakaria bersama Sukarelawan YES! Politeknik Nilai yang terdiri daripada kalangan staf dan pelajar PNS telah turun memberikan khidmat bantuan membersihkan rumah mangsa banjir yang melibatkan staf dan pelajar yang tinggal di sekitar Nilai, Sepang dan Salak. Antara kediaman staf yang menjadi lokasi bantuan Skuad Banjir PNS adalah kediaman En. Nairul Akmar Akashah, Pn. Syazwani Ab Rahim, En. Shuharzi Md. Salleh dan Pn. Zauyah Azman manakala antara kediaman pelajar pula adalah kediaman Nuradlina Abdul Khalid dari program DLH dan Balqis Abas dari program DRM. Semoga semua mangsa banjir yang terlibat dikurniakan kesabaran dan kekuatan dalam menerima ujian ini.

# *Sidang Redaksi e-Buletin*

## **PENAUNG**

Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria (Pengarah)

## **PENASIHAT**

Hjh Norfazila binti Ahmad

## **KETUA EDITOR**

Noor Atiqah binti Sanudin

## **EDITOR**

LAr. Dr. Ts. Nurzuliza binti Jamirsah

## **EDITOR TEKNIKAL**

Fairoz binti Yaakob

## **DISEDIAKAN OLEH**

Bahagian Penerbitan,  
Unit Komunikasi dan Perhubungan Korporat,  
Politeknik Nilai

